



TEKS UCAPAN ALUAN

OLEH:

YBHG. DATO' TPr. MOHD. ANUAR BIN MAIDIN
KETUA PENGARAH
PLANMalaysia
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)

SEMPENA:

HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2019
PERINGKAT KEBANGSAAN

PADA:

10 NOVEMBER 2019 (AHAD)
BERSAMAAN 13 RABIULAWAL 1441H

BERTEMPAT DI:

DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM,
SELANGOR

**Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

Terima kasih, Saudari Pengacara Majlis

YAB Tuan Amirudin bin Shari,
Dato' Menteri Besar Selangor

YB Tuan Khalid bin Abd. Samad,
Menteri Wilayah Persekutuan

YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya,
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar,
**Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan**

YB Puan Haniza binti Talha,

**EXCO Perumahan dan Kehidupan
Bandar**

YBhg. Dato' Haji Haris bin Kasim,

**Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Shah
Alam**

YBrs. Gs. Dr. Shamsaini binti Shamsuddin,

Pengarah PLANMalaysia@Selangor

Yang Berusaha EXCO-EXCO Kerajaan
Negeri Selangor,

Timbalan Datuk Bandar MBSA,

En. Mohd Rashidi Bin Ruslan

Ahli-Ahli Majlis MBSA yang diketuai oleh
En. Kamarulzaman Sanusi,

Ketua-ketua Jabatan peringkat
Persekutuan, Negeri dan Daerah; Wakil-
wakil Jabatan; Pimpinan-pimpinan
Masyarakat Setempat; Ketua-ketua
Pertubuhan dan Persatuan; Dato'-dato',
tuan- tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

***Yang Amat Berhormat, Yang
Berhormat Dato'-Dato', Datin-Datin,
Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin
yang dihormati sekalian.***

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita telah diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama pada pagi ini menyambut Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS), Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2019.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak PLANMalaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **YAB Tuan Amirudin bin Shari**, Dato' Menteri Besar Selangor dan **YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad**, Menteri Wilayah Persekutuan

yang sudi menerima undangan untuk bersama-sama meraikan Majlis ini. Kehadiran dan sokongan YAB Dato' Menteri Besar dan YB Menteri amat dihargai, dan sekaligus memberi semangat khususnya kepada semua warga perancangan bandar baik dalam perkhidmatan awam, swasta, IPT dan di mana sahaja di seluruh negara.

3. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar Shah Alam kerana sudi menjadi tuan rumah dan penganjur bersama Majlis Sambutan HPBS Peringkat Kebangsaan pada hari ini. Melihat kepada persiapan yang dilaksanakan

jelas menunjukkan banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan kami berasa amat terhutang budi serta amat menghargai kerjasama yang telah diberikan.

4. Selamat datang dan ucapan terima kasih turut ditujukan juga kepada semua Ketua-Ketua Jabatan, Wakil-wakil daripada Agensi dan Badan Berkanun serta dif-dif kehormat yang sudi hadir ke majlis ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.

TEMA SAMBUTAN

5. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali sebagai HPBS ialah hari istimewa untuk warga perancangan bandar bagi memperingati peranan dan sumbangan mereka dalam melaksanakan agenda pembangunan mampan. Ianya bermula dari cetusan idea dan usaha ***Prof Carlos Maria Della Paolera***, seorang cendekiawan perancangan bandar terkenal dari Argentina yang menetapkan **8 November** setiap tahun bermula tahun **1949** sebagai Hari Perancangan Bandar Sedunia. HPBS diraikan lebih di 30 negara di seluruh

dunia. PLANMalaysia juga telah menjadikan HPBS sebagai agenda tahunan semenjak tahun 1988 lagi.

6. Tema sambutan HPBS pada tahun ini adalah **“Green and Community: Together Is Better”** iaitu pendekatan ke arah merancang dan melaksanakan pembangunan yang mampan serta mendidik masyarakat akan kepentingan memelihara alam sekitar ke arah persekitaran yang kondusif dan lestari.
7. **Green atau Hijau** yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan **Teras 2** dalam **Rancangan Fizikal Negara ke-**

3 iaitu Kemampanan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim di mana ia berkait rapat dengan hasrat negara kita untuk mengurangkan 50% intensiti perlepasan gas rumah hijau daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2040.

8. Community pula menggambarkan masyarakat yang bersama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan dalam usaha-usaha menggiat dan melaksanakan inisiatif-inisiatif kerajaan ke arah pembentukan komuniti inklusif dan berdaya huni.

PROFESSION PERANCANG BANDAR

9. Untuk makluman hadirin sekalian, pada tahun 2021, perkhidmatan perancang bandar di Malaysia akan menyambut ulang tahun sambutan yang **ke-100 tahun**. Jabatan Perancang Bandar yang pertama telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada **18 Januari 1921 oleh Charles C. Reade**. Bermula daripada tarikh tersebut profesion perancang bandar telah berkembang dan menjadi profesion yang penting dalam menggerak dan memandu corak pembangunan negara.

10. Terlalu banyak sumbangan yang diberikan oleh profesion ini di dalam

membantu membangunkan negara iaitu bermula daripada perancangan bandar baharu yang pertama di **Kuala Kubu Bharu** pada tahun **1924**, perancangan susunatur **penempatan Felda yang pertama di Lurah Bilut**, Bentong, Pahang pada tahun 1958 sehingga lah kepada perancangan Pusat Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya dan Multimedia Super Corridor (MSC) di Cyberjaya pada tahun 1990-an.

11. Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat (DPPS) yang dipegang atau dirujuk oleh PLANMalaysia merupakan satu doktrin

yang menyeluruh yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan dan mengambil kira hubungan di antara **Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia, serta Manusia dengan Alam Sekitar**. Pendekatan ini adalah selaras dengan peranan PLANMalaysia sebagai antara peneraju pelaksanaan New Urban Agenda (NUA) di Malaysia. NUA adalah blueprint yang menjadi panduan kepada semua *stakeholders* secara global ke arah mencapai status pembangunan mampan menjelang 2030.

***Yang Amat Berhormat, Yang
Berhormat Dato'-Dato', Datin-Datin,
Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin
yang dihormati sekalian.***

PENGHARGAAN BANDAR MAMPAN 2018

12. Bagi tujuan memastikan kesejahteraan masyarakat dan bandar secara berterusan, PLANMalaysia telah menganjurkan **Program Penilaian Bandar Mampan** iaitu **MURNInets** (*Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development*). MURNInets merupakan sistem untuk mengukur dan menilai

kemampuan sesebuah kawasan PBT melalui satu set penunjuk bandar yang seragam yang merangkumi enam (6) dimensi, 20 tema dan 39 penunjuk.

13. PLANMalaysia telah menerima 105 penyertaan dari PBPT di seluruh negara untuk penyertaan dalam penilaian Bandar Mampan pada tahun ini. Saya berharap untuk tahun-tahun akan datang lebih banyak PBPT terutamanya dari Negeri Sabah dan Sarawak menyertai program MURNInets untuk menilai tahap pencapaian kemampuan pembangunan di kawasan pentadbiran masing-masing.

14. Bagi tujuan penambahbaikan, penekanan diberi kepada pembekalan data yang tepat dan betul. Oleh itu, PLANMalaysia akan mengambil langkah berterusan untuk menambah baik program ini. Sehubungan dengan itu, Gerbang MURNInets 2.0 telah dinaik taraf, contohnya mengadakan borang soal selidik di atas talian. Ia bertujuan untuk memudahkan, mempercepatkan dan mengurangkan kesilapan kemasukan data dalam sistem MURNInets, sekaligus akan menghasilkan penilaian yang lebih baik dan lebih tepat.

ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU

15. Anugerah Kejiranan Hijau merupakan satu lagi program yang telah dianjurkan oleh PLANMalaysia semenjak tahun 2012. Tujuan program adalah untuk mengalakkan PBPT menyokong pembangunan hijau (*green development*). Program ini, dijadikan sebagai satu platform untuk merealisasikan agenda kejiranan hijau bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan mampan.

16. Pelaksanaan anugerah ini turut mendapat pengiktirafan daripada Yang Berhormat Menteri, yang mana beliau

telah meletakkan program ini, sebagai salah satu **KPI bagi Kementerian Wilayah Persekutuan** bagi tahun 2019.

17. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima hadiah bagi **Anugerah Pencapaian Pembangunan Mampan dan Anugerah Kejiranan Hijau 2019**. Bagi yang tidak berjaya, jangan berputus asa dan diharapkan segala usaha diteruskan dan dipertingkatkan bagi memastikan kecemerlangan dalam mewujudkan persekitaran bandar yang mampan.

AKTIVITI DI SAMBUTAN HPBS 2019

18. Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan merupakan inisiatif pihak MBSA ke arah mempromosikan gaya hidup sihat, dan mengurangkan penggunaan kenderaan di atas jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas karbon monoksida yang boleh mencemar alam. Ini juga selaras dengan hala tuju MBSA untuk menjadikan bandar raya Shah Alam sebagai bandar raya rendah karbon menjelang 2030. MBSA satu-satunya PBT yang konsisten mengadakan Shah Alam Tanpa Kenderaan setiap bulan.

19. Pelbagai aktiviti menarik disediakan buat pengunjung antaranya aktiviti riadah seperti 'Fun Walk', acara berbasikal, Picnic Dhuha, 'Eco Free Market's', aktiviti sukan dan pelbagai lagi.

20. Untuk sambutan pada hari ini, saya juga ingin menarik perhatian hadirin dengan kepelbagaian aktiviti sepanjang hari, seperti :

I. *FUN Walk* yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Perancang Bandar Malaysia (KESPERB) bekerjasama dengan pihak MBSA di sebelah pagi tadi;

- II. Pertandingan *Treasure Hunt* , *Tikar Picnic*, *Urban Sketch & Baskers* dianjurkan oleh pihak MBSA yang sedang berlangsung ketika ini;
- III. Pameran dari PLANMalaysia dan agensi-agensi di bawah KWP;
- IV. *Speakers Corner* bersama pelajar IPTA iaitu UiTM, UTM, UIA dan UM pada sebelah petang;
- V. Demonstrasi penggunaan *Drone* dalam aktiviti memantau pembangunan dari pihak DBKL kepada para pelajar;

VI. Serta pertandingan-pertandingan lain yang dianjurkan oleh pihak MBSA.

PENUTUP

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan para hadirin yang dihormati sekalian.

21. Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Amirudin bin Shari dan YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad atas kesudian melapangkan

masa bagi meraikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada pagi ini.

22. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Majlis Sambutan HPBS pada tahun ini. Semoga dengan program seperti ini boleh dijadikan medium pertemuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara kita untuk bersama-sama merancang pembangunan negara ini demi kesejahteraan bersama. Mudah-mudahan hubungan yang erat ini juga

akan berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum
warahmatullahiwabarokatuh.